

## Sunway Construction catat untung RM183 juta

Oleh Bisnes BH  
bhbiz@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Sunway Construction Group Bhd mencatatkan keuntungan sebelum cukai RM183 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, meningkat 8.5 peratus berbanding RM168.7 juta dalam tempoh sama tahun sebelumnya.

Pendapatannya dalam tempoh dikaji meningkat 8.7 peratus kepada RM2.256 bilion, berbanding RM2.076 bilion pada tahun kewangan 2017.

Bagi suku keempat 2018, segmen pembinaan mencatatkan pendapatan RM595.3 juta dan keuntungan sebelum cukai RM50.2 juta, berbanding pendapatan RM721.7 juta dan keuntungan sebelum cukai RM38.3 juta pada suku sama tahun sebelumnya.

Pendapatan lebih tinggi pada suku terdahulu adalah disebabkan oleh Parcel F, Putrajaya dan International School of Kuala Lumpur yang berada pada kemuncak kemajuan projek pada masa itu.

Sunway Construction mencadangkan dividen interim kedua 3.5 sen sesaham bagi tahun kewangan 31 Disember 2018, menjadikan jumlah dividen keseluruhan tujuh sen sesaham untuk seluruh tahun.

Jumlah dividen yang diisytiharkan adalah lebih daripada 60 peratus keuntungan sebelum cukai dan saham minoriti seluruh tahun.

"Kami baru-baru ini menerima kontrak RM781 juta daripada Tenaga Nasional Bhd (TNB) bagi pembangunan kampus ibu pejabat (Fasa II) TNB, yang menjadikan baki kontrak dalam tangan kepada RM6 bilion.

"Ini memberikan kedudukan perolehan yang baik untuk kumpulan bagi dua tahun akan datang," kata Pengarah Urusan Kumpulannya, Chung Soo Kiong.

---